KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld.10(70)
Tarikh : 8 Januari 2026

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN BILANGAN 1 TAHUN 2026: PELAKSANAAN KURIKULUM PRASEKOLAH 2026 DAN KURIKULUM PRASEKOLAH 2026 (PENDIDIKAN KHAS)

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan Pelaksanaan Kurikulum Prasekolah 2026 dan Kurikulum Prasekolah 2026 (Pendidikan Khas).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan Bilangan 228 Tahun 2025 pada 6 Ogos 2025 telah meluluskan Kertas Cadangan Kurikulum Persekolahan 2027.

3. Selaras dengan perkara tersebut, Kurikulum Prasekolah 2026 dan Kurikulum Prasekolah 2026 (Pendidikan Khas) yang berkualiti dan relevan dibangunkan dengan hasrat untuk melahirkan murid yang sihat dalam aspek fizikal, mental dan kerohanian; boleh berkomunikasi dan bersosialisasi; berkeyakinan diri dan memiliki keinginan untuk belajar. Kurikulum ini berpaksikan kepada Rukun Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan dasar pendidikan negara.

TAFSIRAN

4. Kurikulum Prasekolah 2026 dan Kurikulum Prasekolah 2026 (Pendidikan Khas) merupakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang diguna pakai oleh semua prasekolah/tadika dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti diperuntukkan dalam Seksyen 22, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

5. Kelas prasekolah/tadika merujuk kepada semua institusi yang menawarkan pendidikan prasekolah, termasuk prasekolah/tadika di bawah Kementerian Pendidikan (KPM), agensi awam dan swasta.

PELAKSANAAN

6. Pelaksanaan Kurikulum Prasekolah 2026 dan Kurikulum Prasekolah 2026 (Pendidikan Khas) adalah merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan) 2002 (Pindaan) 2025 serta menggunakan Dokumen Kurikulum Prasekolah 2026 dan Dokumen Kurikulum Prasekolah 2026 (Pendidikan Khas).

7. Kurikulum Prasekolah 2026 dan Kurikulum Prasekolah 2026 (Pendidikan Khas) hendaklah diguna pakai di semua prasekolah/tadika di bawah KPM dan agensi awam serta agensi swasta seperti yang dimaksudkan dalam Perkara 4.

8. Peruntukan waktu minimum seminggu hendaklah dipatuhi dan dilaksanakan sekurang-kurangnya 1200 minit seminggu atau 240 minit sehari termasuk waktu Rehat.

9. Perincian peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran adalah seperti dalam **Lampiran.**

TARIKH KUAT KUASA

10. Surat pekeliling ikhtisas ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai hari pertama sesi persekolahan Kalendar Akademik Tahun 2026.

PEMBATALAN

11. Dengan berkuat kuasanya SPI ini, Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) bertarikh 2 November 2016 adalah **terbatal**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

12. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan semua institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan

s.k.: 1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan

2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan

3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan

6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan

Lampiran

PELAKSANAAN KURIKULUM PRASEKOLAH 2026 DAN KURIKULUM PRASEKOLAH 2026 (PENDIDIKAN KHAS)

A. Peruntukan Waktu Pengajaran dan Pembelajaran

1. Peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) di prasekolah dan tadika dalam minit seminggu adalah seperti berikut:

Bil.	Komponen		Masa (Minit Seminggu)	
			Prasekolah	Prasekolah Pendidikan Khas
1.	Aktiviti Fizikal		150	150
2.	Pendidikan Islam/Pendidikan Moral		120	120
3.	Pembelajaran Bersepadu	Perbualan Awal	100	100
		Rehat	200	150
		Aktiviti Penutup	50	50
		Aktiviti Pembelajaran	550	600
4.	Baca Bersama		30	30
Jumlah			**1200**	**1200**

2. Aktiviti Fizikal hendaklah dilaksanakan selama 30 minit setiap hari di luar bilik darjah. Aktiviti Fizikal ini penting untuk membantu perkembangan murid dari segi kesihatan dan kecergasan tubuh badan, ketangkasan serta koordinasi pergerakan, perkembangan kognitif, kecekapan sosial dan keseimbangan emosi.

3. Jika di dalam kelas terdapat lima orang murid atau lebih yang beragama Islam, maka murid itu hendaklah diberikan pengajaran Pendidikan Islam oleh guru yang bertauliah, manakala murid yang bukan beragama Islam hendaklah diberikan pengajaran Pendidikan Moral oleh guru prasekolah. Peruntukan

waktu Pendidikan Islam/Pendidikan Moral adalah sekurang-kurangnya 120 minit atau 2 jam seminggu.

4. Peruntukan waktu Pendidikan Moral (120 minit seminggu) boleh ditambah ke waktu Aktiviti Pembelajaran sekiranya:
   i. semua murid dalam kelas bukan beragama Islam; atau
   ii. guru Pendidikan Islam tidak dibekalkan ke kelas prasekolah walaupun terdapat murid yang beragama Islam.

5. Perbualan Awal, Rehat dan Aktiviti Penutup merupakan aktiviti rutin dan perlu dilaksanakan setiap hari. Peruntukan waktu sehari bagi aktiviti rutin ini adalah seperti yang berikut:
   5.1 Prasekolah
      i. Perbualan Awal - 20 minit
      ii. Rehat - 40 minit
      iii. Aktiviti Penutup - 10 minit

   5.2 Prasekolah Pendidikan Khas
      i. Perbualan Awal - 20 minit
      ii. Rehat - 30 minit
      iii. Aktiviti Penutup - 10 minit

6. Guru diberikan keluwesan untuk merancang PdP berdasarkan peruntukan waktu bagi Aktiviti Pembelajaran. Keluwesan dalam penyusunan jadual waktu ini membolehkan guru menyesuaikannya mengikut keperluan murid yang mempunyai tahap perkembangan berbeza, terutamanya dalam kemahiran asas literasi dan numerasi.
   6.1 Bagi prasekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, guru boleh memperuntukkan sehingga maksimum 40 peratus atau bersamaan 220 minit seminggu daripada waktu Aktiviti Pembelajaran untuk mengajar kemahiran asas Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik Awal. Peruntukan waktu ini boleh dilaksanakan mulai awal tahun dan diteruskan sehingga murid menguasai kemahiran

asas tersebut. Peratus agihan masa ini boleh dikurangkan secara beransur-ansur berdasarkan tahap penguasaan dan perkembangan murid.

6.2 Bagi prasekolah yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, guru boleh memperuntukkan sehingga maksimum 50 peratus atau bersamaan 275 minit seminggu daripada waktu Aktiviti Pembelajaran untuk mengajar kemahiran asas Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil dan Matematik Awal. Peruntukan waktu ini boleh dilaksanakan mulai awal tahun dan diteruskan sehingga murid menguasai kemahiran asas tersebut. Peratus agihan masa ini boleh dikurangkan secara beransur-ansur berdasarkan tahap penguasaan dan perkembangan murid.

6.3 Bagi prasekolah Pendidikan Khas, guru boleh memperuntukkan sehingga maksimum 70 peratus atau bersamaan 420 minit seminggu daripada waktu Aktiviti Pembelajaran untuk mengajar Kemahiran Asas (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik Awal), Pengurusan Diri, Bahasa Isyarat, Braille serta Orientasi dan Mobiliti. Peratus agihan masa ini boleh dikurangkan secara beransur mengikut tahap penguasaan dan perkembangan murid.

7. Baca Bersama dilaksanakan sekali seminggu dengan peruntukan masa sebanyak 30 minit. Slot Baca Bersama bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid melalui pelbagai aktiviti menarik seperti membaca buku cerita, mendengar cerita, bercerita berdasarkan buku yang dibaca dan melaksanakan pelbagai aktiviti seperti melukis atau membuat lakonan berdasarkan cerita. Slot ini boleh dilaksanakan secara kendiri, bersama-sama rakan atau dengan bimbingan guru.

B. Bahasa Instruksional

8. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai sebagai bahasa instruksional di prasekolah dan tadika yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Pengagihan waktu pengajaran bagi kedua-dua

bahasa ini perlu seimbang, berasaskan jumlah waktu PdP seminggu, tidak termasuk sesi Baca Bersama.

9. Bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina/Tamil hendaklah digunakan sebagai bahasa instruksional di prasekolah dan tadika yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Pengagihan waktu pengajaran bagi ketiga-tiga bahasa ini perlu seimbang, berasaskan jumlah waktu PdP seminggu, tidak termasuk sesi Baca Bersama.

C. Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran

10. Strategi PdP perlu dipelbagaikan berdasarkan tahap perkembangan, keperluan, kebolehan, bakat dan minat murid. Tiga strategi PdP utama yang dicadangkan untuk dilaksanakan di kelas prasekolah/tadika adalah Pendekatan Bertema, Pembelajaran Berasaskan Projek dan PdP di Pusat Pembelajaran.

11. Penyediaan persekitaran pembelajaran secara optimum dan berkesan dapat dimanfaatkan untuk pembelajaran murid. Persekitaran pembelajaran perlu dirancang supaya bersifat interaktif dan kondusif.

12. Pusat pembelajaran perlu diwujudkan sama ada di dalam atau di luar kelas prasekolah/tadika. Pusat pembelajaran merupakan sudut atau ruang khusus yang dilengkapi dengan bahan dan peralatan pembelajaran bagi membolehkan murid membina pengetahuan melalui pengalaman, penerokaan serta permainan sama ada secara berstruktur atau bebas. Penggunaan pusat pembelajaran semasa pelaksanaan PdP hendaklah dioptimumkan.

13. Persekitaran membaca yang kondusif perlu disediakan di kelas prasekolah/tadika. Pemilihan bahan bacaan juga mestilah bersesuaian dengan tahap perkembangan murid dan dapat menarik minat murid untuk meneroka dunia pembacaan.